



## Misi Moreh Mekdi jelajah universiti awam, santuni pelajar memerlukan

Mohammad Asyraf Khalib - April 10, 2023 @ 4:44pm



McDonald's Malaysia berkolaborasi dengan Titipan Kasih Harian Metro dan UiTM bagi menjayakan Misi Moreh Mekdi. - FOTO McDonald's Malaysia

RESTORAN khidmat segera terkemuka, McDonald's Malaysia meneruskan acara tahunannya menerusi tajaan jamuan moreh di masjid dan surau terpilih seluruh negara sepanjang bulan Ramadan.

Memasuki tahun kesembilan pelaksanaannya, program itu dijenamakan sebagai Misi Moreh Mekdi dengan objektif lebih luas bagi menyantuni lebih ramai golongan memerlukan.

Selain mengimarahkan lebih 300 buah masjid dan surau seluruh negara, tahun ini, Misi Moreh Mekdi meluaskan tajaan jamuan kepada 12,000 pelajar di lebih 20 universiti awam.

Menurut Pengarah Komunikasi Korporat McDonald's Malaysia, Shamsidar Yahya, pihaknya sangat prihatin dan mengambil berat mengenai cabaran kehidupan pelajar di universiti.

"Mereka mungkin berdepan masalah seperti kekurangan belanja harian dan ada juga yang kesedihan saat berada jauh daripada keluarga sepanjang Ramadan.

"Justeru, program seperti ini diharap dapat meringankan sedikit sebanyak beban pelajar terutama golongan memerlukan sekali gus mengukir senyuman di wajah mereka," katanya.

Dalam pada itu, Shamsidar turut merakamkan ucapan penghargaan kepada pihak Titipan Kasih Harian Metro dan UiTM kerana sudi bekerjasama dengan McDonald's Malaysia bagi menjayakan Misi Moreh Mekdi.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Misi Moreh Mekdi bersama Titian Kasih Harian Metro di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, 6 April lalu.

### **Seronok menikmati moreh dengan McDonald's**



Sementara itu, Pelajar Sarjana Muda Pendidikan (Kepujian) Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua, Ayu Nur Aleesa Badrol Hisham, 22, ketika ditemui dalam majlis sama berkata beliau sangat mengalu-alukan kehadiran pasukan Misi Moreh Mekdi.

"Sebagai pelajar dalam kategori asnaf, saya akui berpuasa di universiti sangat mencabar. Kami perlu berjimat dalam berbelanja dan ada kalanya berasa sedih kerana berjauhan dari keluarga.

"Saya berharap Misi Moreh Mekdi dapat dilaksanakan lagi pada Ramadan akan datang kerana ia bukan sahaja membantu meringankan beban pelajar tetapi turut membawa keceriaan kepada kami," katanya.

### Ringankan beban pelajar



Pelajar Sarjana Muda (Kepujian) Sains Aktuari, Akmal Zahiruddin Bin Shahrul Alimi, 20, turut meluahkan rasa syukur dapat menyertai Misi Moreh Mekdi.

"Sejujurnya ini adalah kali pertama saya menyertai program seperti ini di UiTM.

"Saya percaya sepanjang Ramadan ini, ada banyak program berbentuk sumbangan kepada pelajar daripada pihak lain, namun apa yang dilakukan McDonald's memang berbeza.

"McDonald's antara syarikat yang peka mengenai nasib pelajar, terutama di UiTM ini biasanya kita mempunyai ramai pelajar dari keluarga yang berpendapatan rendah.

"Justeru, kehadiran pasukan Misi Moreh Mekdi di UiTM patut dipuji serta program seperti ini wajar dicontohi pihak lain," katanya.

Selain agihan bubur lambuk dan majlis berbuka puasa, pelajar dari keluarga kurang berkemampuan turut menerima kotak rezeki yang mengandungi makanan asas untuk keperluan harian.



Majlis turut dihadiri Professor Dr Mohamad Hariri Abdullah, Timbalan Naib Canselor Industri, Komuniti dan Jaringan Alumni (ICAN), Pengarang Kumpulan Harian Metro merangkap Pengerusi Projek TKHM, Husain Jahit, barisan pengurusan UiTM Shah Alam, Harian Metro dan McDonald's Malaysia serta pelajar UiTM.

Inisiatif mendekati komuniti di sekitar lokasi operasi McDonald's diyakini dapat membawa impak positif dan ia menjadi nilai teras McDonald's Malaysia.

Dengan peningkatan jumlah restoran saban tahun, 2022 adalah tahun kejayaan bagi McDonald's dengan pencapaian jumlah pelaksanaan aktiviti kemasyarakatan paling banyak setakat ini iaitu melebihi 19,000 program komuniti.